

05 APR 2001

Mahathir-Filem

SYARIKAT FILEM PERLU BERGABUNG UNTUK KEKUATAN MODAL

KUALA LUMPUR, April 5 (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mencadangkan syarikat-syarikat perfileman di negara ini bergabung bagi memperkukuhkan modal supaya dapat mengeluarkan filem yang lebih bermutu.

"Apabila (syarikat) terlalu banyak, jadi tak cukup modal. Maka kita akan jadi syarikat yang kecil dalam industri yang memerlukan modal yang besar," kata Perdana Menteri.

Apabila terdapat terlalu banyak studio, modal masing-masing tidak mencukupi untuk membuat filem, kata beliau pada sesi soal jawab semasa lawatannya ke Kementerian Penerangan di Angkasapuri di sini hari ini.

Katanya, Amerika Syarikat yang mempunyai 260 juta penduduk dengan pendapatan per kapita US\$26,000 cuma mempunyai jumlah studio yang sedikit seperti MetroGoldwynMeyer (MGM) dan Universal Studio.

Sebaliknya Malaysia dengan 22 juta penduduk dengan pendapatan per kapita sebanyak US\$4,000 mempunyai 90 syarikat perfileman, katanya.

Beliau berkata jika di Amerika, sesebuah filem diterbitkan dengan kos sekurang-kurangnya RM100 juta, bagaimanakah syarikat tempatan hendak membuat sebuah filem yang menarik dengan bermodalkan sebanyak RM300,000.

Pada sesi soal-jawab itu Dr Mahathir juga menyentuh mengenai pasaran filem tempatan yang agak terhad.

Katanya filem tempatan hanya tertumpu kepada tayangan di negara ini serta pelanggannya yang agak terhad kerana Malaysia cuma mempunyai lima buah stesen televisyen.

"Masing-masing ada masalah kewangan... dan filem-filem ini tidak boleh dijual kepada kesemua stesen kecuali satu. Bilangan yang nak keluarkan filem adalah ramai", kata beliau.

Oleh itu, katanya, bilangan syarikat perfileman harus dikurangkan.

Langkah menghalang kemasukan kesemua filem asing seperti filem Hollywood atau Bollywood supaya penonton hanya menyaksikan filem tempatan sahaja, tidak dapat dilakukan kerana ia mungkin menyebabkan ramai yang tidak berpuas hati.

Oleh itu, katanya, kerajaan tidak boleh menyelesaikan masalah ini melainkan orang-orang dalam industri perfileman itu yang dapat berbuat demikian.

Beliau juga menyentuh mengenai sikap permusuhan antara syarikat-syarikat perfileman yang tidak berpuas hati terhadap kejayaan orang lain.

"Masing-masing bermusuhan, sebagai contoh ada orang buat konsortium ... ada yang marah sebab tak dapat cukup kuota (untuk slot). Ada yang cuba jual ke seluruh dunia tapi apabila ada yang berjaya dan dapat monopoli, ada yang tidak puas hati..", katanya lagi.

Inilah masalah dalam industri perfileman tempatan, katanya, dan beliau tidak nampak bagaimana caranya untuk menyegarkan industri ini kembali melainkan melalui penggabungan.

Jika tidak, beliau menasihatkan mereka yang terlibat dalam industri itu supaya mencari bidang lain untuk diceburi.

Pada sesi itu, Dr Mahathir juga ditanya mengenai cara untuk menarik minat orang ramai melawat Angkasapuri kerana perhatian yang semakin berkurangan sejak terdapat saingan dengan keindahan Putrajaya.

Perdana Menteri berkata banyak yang boleh dilakukan di Angkasapuri umpamanya dengan mengambil contoh usaha yang dilakukan oleh Universal Studio untuk menarik minat orang ramai.

Katanya Universal Studio di California mengadakan pertunjukan mengenai teknik-teknik perfileman seperti penggunaan ikan jerung mekanikal bagi filem "Jaws" dan sebagainya.

Ramai pelawat sanggup membayar wang untuk menyaksikan pertunjukan seumpama itu dan Angkasapuri boleh berbuat demikian seperti menunjukkan cara-cara filem dibuat dan disiarkan.

-- BERNAMA

SHO ZS NMO